

BE Insight

NOVEMBER / 2022

Potensi **MASA**



Bagaimana Masa Akan Menentukan Hidupmu Di Kemudian Hari

Masa memainkan peranan penting dalam membentuk permulaan baharu kita. Meninggalkan tahun 2022 dengan azam baru bermula dengan mengenali dan merenung bahawa sehingga akhir masa, matahari akan terbenam dan terbit di atas kita, menyiapkan kita untuk membuka lembaran baharu, yang membolehkan kita untuk memulakan tahun baharu dengan indah.

1 Masa Menciptakan Peluang

Dengan adanya masa, peluang untuk berkembang akan sentiasa ada. Tidak kira bagaimana perkembangan tersebut terbentuk, dengan kesabaran, kesiapsiagaan, dan kesediaan, anda akan sering menggunakan peluang yang ada sebaik mungkin.

Masa akan memberikan peluang yang anda perlukan, anda hanya perlu bersedia dengan pemikiran yang terbuka.



2 Nikmati Masa Yang Ada

Ramai di antara kita terperangkap dalam hiruk pikuk kesibukan harian. Adalah penting untuk menikmati kehidupan dengan masa yang ada. Motivasi dan disiplin hanya berguna apabila ada cita-cita dan matlamat yang hendak dicapai. Cita-cita ini pula akan dikecapi apabila kehidupan dinikmati sepenuhnya.

Jadi apakah matlamat anda? Keluarga? Masa depan yang lebih cerah? Pembangunan diri? Gunakan masa yang ada untuk mengetahuinya.



3 *Gunakan Masa Anda Dengan Bijak*

Seperti wang, masa juga sering dilaburkan. Usaha yang kita lakukan pada hari ini akan berkembang dengan sumber tambahan yang kita berikan. Sebagaimana amalan orang Jepun menanam pokok Bonsai, masa depan kita memerlukan ketekunan dan masa untuk menjadikannya indah dan lebih bermakna.

Perhatian yang teliti, perancangan teratur, dan kesabaran yang tinggi akan memastikan pohon cantik yang merupakan masa depan anda itu tumbuh dengan sihat dan kuat.



4 *Sumber Yang Paling Berharga*

Para penggemar filem pastinya ingat sebuah petikan kata-kata oleh Tony Stark ataupun Iron Man “Tidak ada sebesar jumlah wang pun yang dapat membeli sedikit masa”. Ketahuilah mengapa kita harus bekerja keras, supaya kita boleh meluangkan lebih banyak masa dengan yang tersayang dan melakukan perkara yang kita sukai.

Kerana pada akhirnya, apabila masa dihabiskan dengan baik, ia berbaloi dengan pengorbanan kita.



*Sesuai dipadankan dengan
apa jua pakaian!*

AULORA PANTS with Kodenshi® kini didatangkan dalam warna
Classic Black dan juga Soft Beige semula jadi.

Tonjolkan estetika fesyen anda yang mementingkan
kesihatan dengan AULORA PANTS with Kodenshi®.



AULORA
Pants

KODENSHI®



MENYERAP
SUHU BADAN



MEMBEBAKAN SINAR
INFRAMERAH JARAK JAUH



29 HELAI KAIN POTONGAN
BERBENTUK BERLIAN



6 TITIK TEKANAN
TERSEGMENT



MENCIPTA GARISAN BADAN
YANG LEBIH MENARIK





Penjagaan perlindungan penuh untuk **KAKI ANDA**

AULORA SOCKS with Kodenshi® ialah pakaian mampatan buatan Jepun, ditenun dengan Fiber Kodenshi®, gentian berteknologi tinggi ini boleh menyerap suhu badan pemakai dan memantulkannya kembali ke badan pemakai dengan dalam bentuk sinar inframerah jarak jauh, mengekalkan kehangatan dan keselesaan pemakai.

Kaedah tenunannya yang unik mempunyai kesan regangan dan pengetatan yang cekap, memberikan pemakai pengalaman yang santai dan selesa. Pada masa ini ia tersedia untuk lelaki dan wanita dan didatangkan dalam warna Classic Black dan Soft Beige semulajadi.

Sesuai dipakai dengan AULORA PANTS with Kodenshi® untuk gaya semua-dalam-satu yang menutupi dan memanjakan kaki anda dalam semua cara untuk kaki yang sihat!

1 Reka bentuk sokongan gerbang kaki

Ia mempunyai reka bentuk potongan yang lebih luas untuk melindungi gerbang kaki, dan kaedah tenunan unik mesh pada tumit menyokong kedudukan tumit, yang dapat melegakan keletihan kaki dengan berkesan.

2 Titik tekanan dua peringkat

Melalui titik tekanan dua peringkat ini, ia memberikan tekanan yang berpatutan untuk kaki, sokongan untuk pergerakan, sambil melepaskan tekanan pada kaki.

3 Keselesaan yang dipertingkatkan

Ditenun daripada gentian yang sangat elastik untuk memudahkan pemakaian. Ia mempunyai kelembapan dan penyerapan peluh dan direka bentuk untuk menjadikannya berudara, supaya kaki anda kekal kering dan selesa.



*Toleransi panjang stoking kaki dalam jarak +/- 1cm berdasarkan ukuran produk sebenar.

Klik untuk maklumat lanjut:

<https://www.beintl.com/aulora/aulora-socks-with-kodenshi/>

*hpa = Hectopascal (hPa) ialah unit ukuran tekanan

Multivitamin yang mesra tubuh badan

SPIRULINA

Sejenis supplemen yang diperakui kaya dengan multivitamin dan mineral yang sesuai untuk kegunaan semua peringkat umur untuk mengekalkan kesihatan keseluruhan. Ia mudah dihadam dan diserap oleh badan.

Memandangkan manusia pada masa kini semakin sedar tentang nilai sebenar kesihatan, dan ramai telah memahami bahawa “kesihatan” sememangnya sangat penting. Kita telah memasuki era kesihatan sejagat, dan kita perlu menyesuaikan diri dengan cara hidup baharu selepas pandemik. Tubuh badan yang sihat tidak dijamin, kita perlu berhati-hati dan menjaga diri untuk mengekalkan tubuh yang sihat. Apabila kita bercakap tentang pemakanan yang sihat, sukar untuk tidak menyebut Spirulina.

Apakah itu Spirulina?

Spirulina, atau “*Arthrospira platensis*” ialah sejenis alga biru-hijau yang diiktiraf sebagai produk padat nutrien. Ia mengandungi vitamin, mineral serta antioksidan menjadikannya makanan tambahan semula jadi untuk mengekalkan kesihatan.

Kriteria utama

Kualiti spirulina yang bagus adalah sangat penting untuk memastikan orang ramai dapat memperoleh manfaat kesihatan yang sepenuhnya. Berikut adalah beberapa ciri yang penting untuk memastikan kualiti spirulina terjamin:

- ✓ Diperakui organik tanpa bahan cemar berbahaya
- ✓ 100% semula jadi
- ✓ Buatan Jepun
- ✓ Diperakui GPM dan HALAL


Kesihatan untuk semua

Dengan tumpuan kepada kesihatan keseluruhan, Spirulina sesuai untuk diambil oleh sesiapa sahaja dari remaja hingga warga emas. Pencinta sukan juga akan mendapat manfaat yang besar daripada produk hebat ini.





Memori berharga



“

Wahai Wanita, bersedialah untuk hari hujan!

RCCA Tan Yi Hui

Housewife

Bagaimana RCCA Tan Yi Hui menemui dan memulakan perjalanan BEnya sememangnya suatu kisah inspirasi yang akan memotivasikan ramai orang. Apabila rakan baiknya dan upline Aries mengesyorkan AULORA PANTS with Kodenshi® kepadanya, BE baru sahaja ditubuhkan selama dua bulan. “Ketika itu, saya hanya ada RM1,000 dalam akaun saya. Sepasang seluar itu dan yuran keahlian sudah berkost lebih RM800,” katanya. “Kenapa saya masih meneruskannya? Ini adalah kerana kaum wanita memang tidak kedekut pasal kecantikan!”

Selepas membeli seluar itu, Yi Hui segera mencari ulasan tentangnya di internet. Tidak ada! Itu tidak mengejutkan kerana produk dan syarikat itu baru berada di pasaran selama dua bulan. “Sejujurnya, saya fikir saya telah ditipu. Tetapi saya mempercayai rakan saya, dan disebabkan saya telah membeli seluar itu, saya juga boleh memakainya.”



BMW pertama saya



Berjuang bersama untuk melayakkan diri ke BE Lifestyle ke Turki

Menghadiri mesyuarat kepimpinan pertama saya



Dilhamkan oleh uplinenya, RCCA Aries yang aktif menyiarkan gambar cantiknya memakai AULORA PANTS with Kodenshi® di media sosial, Yi Hui, yang tidak asing lagi dalam perniagaan MLM, kagum dengan perubahan perniagaan jualan langsung mengikut peredaran zaman. "Kami kini boleh memanfaatkan media sosial dan teknologi dengan mudah untuk membina rangkaian dan perniagaan kami. Apa yang saya lakukan adalah dengan tekun menyiarkan di media sosial saya dan tidak lama kemudian, rangkaian dan perniagaan BE saya telah berkembang ke Malaysia Timur!"

BE bukan sekadar perniagaan tetapi keluarganya

12 Januari 2022 merupakan hari paling sedih bagi Yi Hui. Suaminya rebah di bilik air dan meninggal dunia. Tiada simptom atau amaran. "Kehidupan saya hancur sama sekali. Saya sesat dan kebuntuan. Saya tidak dapat menerima hakikat bahawa cinta hidup saya telah hilang. Saya menangis berhari-hari. Apabila upline saya Aries dan Mario datang melawat saya, saya memberitahu mereka, 'Saya telah kehilangan segala-galanya'. Kemudian Mario memberitahu saya, 'Tidak, anda masih mempunyai kami.' Kemudian saya sedar bahawa saya masih mempunyai mereka, keluarga BE dan perniagaan. Saya bersyukur bahawa saya membuat pilihan untuk menyertai BE lima tahun lalu."

Yi Hui selalu bergantung kepada suaminya untuk setiap perkara besar dan kecil. "Sekarang beliau sudah tiada, saya perlu berdikari. Kehidupan ini adalah sementara - kita perlu menghargai orang yang kita sayangi setiap saat. Risiko terbesar yang dihadapi oleh wanita berumah tangga adalah kehilangan suami mereka. Jadi, kita mesti mengetahui kepentingan 'membaiki rumah sebelum hujan' supaya apabila apa-apa berlaku, kita bersedia dan mempunyai kekuatan untuk berjuang. Dalam kes saya, saya bersyukur kerana mempunyai keluarga BE, perniagaan, upline dan downline saya."



Bergambar bersama pengasas



Kempen BE Lifestyle ke Melbourne



Gambar kenangan yang diambil pada tahun 2018 semasa saya hamil 38 minggu. Anak perempuan saya dilahirkan pada bulan Mei tahun yang sama.

Beberapa bulan selepas kematian suaminya, Yi Hui menjadi RCCA ke-50 BE. "Kejayaan tidak berlaku dalam sekelip mata. Anda tidak boleh hanya duduk dan menunggu keajaiban berlaku. Anda perlu bekerja keras. Ingat, menyerah adalah mudah tetapi anda tidak akan mendapat apa-apa; terus berjuang adalah amat sukar, tetapi ia akan memberi banyak ganjaran."

Di Ekspo BE



“

**YOLO,
dapatkan yang
terbaik dalam
hidup!**

RCCA Mardiana Bte Zainal
Pemilik perniagaan rumah

RCCA Mardiana telah 'dilahirkan' semasa pandemik. Dalam cerita ini, RCCA yang baru dinobatkan ini menyedarkan kita tentang perjalanan BE beliau setakat ini.

Daripada menjual salap sehingga menjual seluar

Selepas meletak jawatan sebagai Pegawai Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) berdaftar pada 2015, Mardiana menjadi suri rumah, menjaga empat orang anaknya sambil menjalankan perniagaan rumahnya. “Saya membuat salap dan adunan minyak pati sendiri menggunakan minyak pati tulen sebagai produk penyembuhan alternatif. Saya biasanya melakukan kerja saya selepas anak-anak tidur pada waktu malam. Ia sangat memematkan kerana saya terpaksa bertahan sepanjang malam.”

Apabila Mardiana membuat keputusan untuk menjalankan perniagaan BE, beliau tertarik dengan kuasa penggandaan dalam perniagaan itu. “Pertumbuhan eksponen sangat mengujakan saya. Walau bagaimanapun, ia mencabar pada mulanya. Saya menjual salap dan campuran minyak pati buatan sendiri, dan tiba-tiba saya menjual seluar! Ia suatu perubahan besar, dan saya mengambil masa kira-kira enam bulan untuk memahami sepenuhnya perniagaan ini kerana ia merupakan usaha MLM pertama saya.”

Salah satu cabaran yang dihadapinya adalah kehilangan bakal pemimpin apabila beberapa ahlinya meninggalkan rangkaian. “Itu ialah pengalaman yang tidak dapat dilupakan tetapi saya belajar kepentingan membina hubungan untuk mengekalkan perniagaan. Saya mula berusaha untuk



Dengan mentor RCCA Kak Suriyani dan Abg Norzehan



Anugerah untuk Senarai Pencabar saya, Seluar terhad eksklusif

Photo with Founder



membentuk hubungan dalam rangkaian saya dan bukan hanya menganggap orang sebagai kenalan.”

Kuncinya adalah meluangkan masa untuk membuat hubungan sebenar. “Belajar cara memperkenalkan diri, menyapa orang dan berkongsi peluang. Jangan tunggu orang lain untuk mengetuk pintu anda. Ingat, sifat kerja kita adalah ‘minum kopi, bercerita dan lahirkan banyak ‘bayi BE!’”

Menjadi orang yang lebih baik

Walaupun Mardiana baru dua tahun berkecimpung dalam perniagaan BE, beliau telah mengalami transformasi melalui budaya yang unik. “Saya kini lebih sabar apabila berhadapan dengan orang ramai. Saya lebih menghargai perhubungan dan menjadi lebih lasak apabila berhadapan dengan cabaran. Saya lebih empati terhadap orang lain, dan telah belajar untuk mendengar serta memberikan nasihat positif dan hala tuju yang

jasas. Selain itu, mesyuarat reviu menunjukkan perspektif yang berbeza di mana kita boleh melihat sesuatu dengan lebih baik. Melakukan perniagaan ini selama dua tahun sememangnya mengubah cara saya menetapkan matlamat.”

Bagi kepuasan kewangan pula, Mardiana berbesar hati kerana beliau kini boleh menghantar anak-anaknya ke kelas tuisyen yang lebih baik. “Saya seronok membawa anak-anak saya ke tempat yang menggembirakan mereka dan saya tidak perlu menyekat mereka hanya kerana terpaksa bekerja atau tempat itu terlalu mahal. Alhamdulillah!”

Bagi Mardiana, cabaran adalah penting untuk pertumbuhan; menghadapi dan mempelajari cara mengemudi mereka akan membina daya tahan. Kejayaan akan datang akhirnya apabila kita mengatasi halangan ini dan belajar daripadanya.



Kerja berpasukan menjadikan impian berfungsi



Menerima sejangam bunga besar untuk meraikan detik yang tidak dapat dilupakan pada hari saya menjadi RCCA



Salah satu kegembiraan terbesar saya, ikatan dengan orang yang tidak dikenali yang kini saya gelar sebagai kawan



“Ingat YOLO – ‘anda hanya hidup sekali’ – jadi dapatkan yang terbaik dalam hidup! KALAU ANDA RASA BOLEH, ANDA BOLEH. Ini ialah moto paling mudah untuk diingati dan penyepak terhebat saya setiap kali saya berasa lemah semangat!” beliau membuat kesimpulan.



Dengan pasukan saya yang telah bersama saya melalui suka dan duka

Di BE Legend 2022



“

Perniagaan Seorang Ibu

RCCA Azlina Wati Binti Ahmad Kamal & Muhammad Imran Bin Abd Halim

Suri rumah/Ketua Korporat

Perjalanan BE RCCA Azlina bermula pada penghujung Februari 2019 apabila beliau menjadi testimonial bergerak AULORA PANTS with Kodenshi®, yang telah membantu memperbaiki pelbagai penyakitnya, termasuk 4 cakera tergelincir, cantuman tulang dan masalah saraf. Penyakit-penyakit ini adalah akibat kemalangan kereta yang mengerikan 21 tahun lalu yang menyebabkan beliau lumpuh separuh badan. Kemalangan itu begitu dahsyat sehinggakan kereta BMW tahan lasak yang dipandu suaminya ketika itu diisytiharkan hancur keseluruhan.

“Dengan keadaan kesihatan saya, saya tidak sepatutnya mempunyai anak tetapi kami dikurniakan dua anak lelaki. Sepanjang kehamilan saya, saya dinasihatkan untuk berehat, oleh itu saya memberhentikan kerjaya guaman jangka pendek untuk menjadi suri rumah sepenuh masa. Sejak itu, saya telah menjadi seorang ibu yang setia dan bersemangat di samping melakukan terjemahan undang-undang sesekala.”

Menceburi perniagaan

Apabila kesihatannya bertambah baik daripada memakai AULORA PANTS with Kodenshi®, Azlina bermurah hati berkongsi kisahnya dengan sesiapa sahaja yang ingin tahu tentang statusnya. Suaminya, Imran, yang merupakan seorang penunggang basikal ultra yang bersemangat, juga mempunyai rakan penunggang basikal bertanyakan tentang prestasinya yang semakin meningkat selepas mengambil BEFil. Tanpa banyak usaha, mereka menjadi Ambassador dalam masa sebulan.



Sesi paparan impian



Menghadiri BAS bersama pemimpin utama dalam #BEwithJieRan network



Suatu ketika, apabila jiran Azlina yang berusia 70 tahun menghadapi masalah kewangan, Azlina memberitahu uplinenya RCCA Farhana tentang rakan tua ini. Farhana berkata, "Sudah tentu saya akan membantunya, tetapi anda juga perlu membantunya." Ketika itu, Azlina belum serius menceburi bidang perniagaan. Semasa menghadiri Seminar Elit pada penghujung 2019, beliau mendapat inspirasi untuk menjadi seorang yang berprestasi tinggi, sama seperti anak dan suami yang cemerlang dalam bidang masing-masing.

Menjadi seorang yang berprestasi tinggi

"Saya seorang ibu yang bersemangat, saya mengasuh anak-anak saya untuk menjadi serba boleh dan mereka

cemerlang dalam akademik dan sukan. Suami saya pula seorang pemimpin korporat yang mantap. Sekian lama, saya dikelilingi oleh orang yang berprestasi tinggi. Saya dikejutkan di dalam Seminar Elit apabila pengasas Cik Ho Huey Chui menyatakan bahawa kami para ibu sentiasa mendorong anak-anak kami untuk mencapai pencapaian yang tinggi dengan menghantar mereka ke semua jenis kelas pengayaan tetapi bagaimana pula dengan diri kami? Adakah kami juga mendorong diri untuk menjadi orang yang berprestasi tinggi? Beliau berkata, 'monyet lihat, monyet buat', bermakna anak-anak kita akan meniru kita. Itulah panggilan bangkitan saya."

Azlina berkata dengan malu-malu, "Saya tidak pernah celik teknologi. Saya tidak pernah menggunakan perkhidmatan perbankan dalam talian atau membeli-belah dalam talian sebelum itu. Walaupun saya mempunyai akaun media sosial, saya pengguna senyap. Tetapi apabila saya memutuskan untuk melakukan perniagaan BE dengan sepenuh hati, saya menyedari bahawa saya tidak seteruk yang saya sangkakan!"

Perniagaan 'ibu'

Azlina menerapkan kemahiran keibuannya dalam rangkaianannya. "Saya melayan rangkaian saya sama seperti saya melayan anak-anak saya. Dan kali ini, saya bukan sahaja memupuk downline saya untuk menjadi orang yang berprestasi tinggi; Saya juga perlu berkembang bersama mereka."

Daripada menjadi ibu yang tinggal di rumah selama hampir dua dekad dan ibu yang bangga kepada dua lelaki muda, RCCA Azlina kini juga ibu bangga dengan rangkaian yang berkembang maju di BE yang merangkumi Malaysia, Singapura, Filipina, Jepun, Timur Tengah, Australia, UK dan AS.



litar Bersama pasukan



Percutian keluarga di Edinburgh



Kecemerlangan sukan juga ada dalam keluarga.

(Kiri: Aydin bertanding dalam memanah, renang, ragbi & larian ; Kanan: Adam memenangi pingat emas dalam World Scholar's Cup Competition di Bangkok.)

Congratulations

THE CHALLENGER 2.0
ANNUAL TOP 5
PRESIDENTIAL CLUB



RCCA LOW THIEN YIEN



RCCA CHONG CHEE ANN /
TAN LEE ENG



RCCA TAN SIEW CHOO /
GAN YAIP HONG



RCCA NURUL FARHANA BT MD ADNAN /
MOHD KHAIRUL BIN NAIM



RCCA BONG YOCK CHENG /
FREDERICK HO WEE SEN



GRAND CELEBRATION DINNER
WITH PRESIDENT

Marble 8, Petronas Twin Tower, Kuala Lumpur
Date: 3 Nov 2022

MS HO HUEY CHUIN
Founder & Executive Vice President
of BE International Marketing Sdn Bhd

IR LEE SUET SEN
Founder & President
BE International Marketing Sdn. Bhd.

www.beintl.com



BE INTERNATIONAL



SV7, 2022 TO SV9, 2022

THE CHALLENGER 2.0

TOP 10 CCA ASSEMBLE



CCA SOO SIEW LI /
PHOON CHEE CHEOW



CCA LEONG CHEAT MIN /
LEE MOK SIANG



CCA POON YEW KEE /
KONG KOON YOU



CCA YU HUI FANG /
CHAN WEN TUNG



CCA HAN HOOI LENG



CCA KONG YOKE YEN /
CHOON TEIK KOK



CCA HASLINDA BINTI IDRIS /
MOHD FAIZAL BIN NASHAHAR



CCA LEE KAH LING /
LEONG AIK HONG



CCA AZIZAH BINTI
ABDUL WAHID



CCA YONG YEE PAY

* Please refer to official announcement on Qualifying Criteria

www.beintl.com



BE[®]
BE INTERNATIONAL

THE CHALLENGER 2.0

TOP 10 AMBASSADOR PRODUCER

1. DCA CHAN SHAH FEN / WOON KAH FEI
2. DCA LEE JEN LIN / KONG TECK LUNG
3. DCA NORMAH BINTI ABD SAMAD / MUHAMMAD ASRI BIN MADI
4. DCA ADIBAH BINTI AZHARI / MAIZAHAR AZRI BIN MASRI
5. DCA LEAN HUEY CHIN (SHARON)
6. DCA LILIAWATI
7. DCA TSAI KO SHAN
8. DCA FUZIAH BINTI BUJANG / RIDZUAN MOHD SAGIR
9. DCA ARABI BINTI YUSOF / MOHD NORHUSAIRI ABDUL HALIL
10. DCA BAN LEE HAW



SV7, 2022 TO SV9, 2022



THE CHALLENGER 2.0

TOP 10 SPONSOR

1. ECA ENDOK UMMIN BINTI MD NOOR / MOHAMAD NOOR BIN MOHD SIDEK
2. ECA ADIBAH BINTI AZHARI / MAIZAHAR AZRI BIN MASRI
3. ECA LEE SIEW LOENG / CECILIA TANG NGA HEE
4. ECA SITI NOR HAYATI BINTI ABD SAMAD / PONA JAN BIN WAGIMAN
5. ECA GOH CHEE ONG
6. ECA CARIN LIM
7. ECA ROSNAH BINTI BAHAR
8. ECA NIK ANIS BINTI NIK MOHD ZAINUDDIN / MOHAMAD ADAM
9. ECA ANNIS SAFURA BINTI HASHIM / MOHD AZHAR B KHALID
10. ECA LILY SURIANTI BINTI ABOL HASAN



SV7, 2022 TO SV9, 2022



Royal Crown Council Ambassador (RCCA)
皇家皇冠委员大使



AZLINA WATI BINTI AHMAD KAMAL /
MUHAMMAD IMRAN BIN ABD HALIM



Diamond Council Ambassador (DCA)
钻石委员大使



KA YAN CARRIE LEUNG



IDA HARTINA AHMED THARBE &
AHMAD NIZAM MD REDZUAN



TSAI KO SHAN



ADIBAH BINTI AZHARI &
MAIZAHAR AZRI BIN MASRI



YARASHA BINTE SAFIE



WU NIEN-CHIEN &
HSIEH TING FANG



AZEAN BINTI ABDUL MAJID &
FADZIL ADLAN BIN JAMILUS



RAKHISAH MAT ZIN



WONG JY YIJING &
LIM CHEE LON

YA

Menggunakan Pengenalan yang betul

Gunakan foto anda untuk mewakili diri anda dengan tepat.

Pautan Penaja / Kod QR

Berkongsi secara peribadi dan langsung dengan prospek anda.

Berkongsi siaran terus dari halaman Rasmi BE.

Berkongsi Risalah Promosi BE Tanpa Harga.

Testimonial

“Mengurangkan simptom” boleh digunakan selagi frasa tersebut tidak berkaitan dengan pencegahan, penawar dan penyembuhan sebarang penyakit.

Promosi daripada Akaun FB Peribadi Anda

Promosi daripada akaun Facebook peribadi untuk meningkatkan kenalan.

Berkongsi Pemikiran Positif Dan Menggunakan Hashtag Yang Betul

Jangan sesekali menjana ketakutan di media sosial untuk menarik pembaca. Sebaliknya, cipta mesej positif yang meyakinkan untuk menarik mereka.



Bagaimana untuk Berjaya dalam Media Sosial tanpa Melanggar Undang-undang dan Peraturan & Regulasi BE

Memandangkan sesetengah pemimpin masih tidak biasa dengan undang-undang dan peraturan, berikut dikongsikan garis panduannya sekali lagi.

TIDAK

Jangan menggunakan Tanda Dagangan Syarikat, Logo atau Produk Tanpa Keizinan Syarikat.

Berkongsi Pautan Penaja / Kod QR secara terbuka
Jangan berkongsi pautan penaja/kod QR pada platform Media Sosial.

Iklan Berbayar

Sebarang jenis iklan dalam talian, digital atau bercetak adalah tidak dibenarkan.

Menunjukkan Harga

Elakkan daripada menunjukkan sebarang DP/RP dalam talian dan jangan kongsi invoice yang menunjukkan harga dalam talian.

FB Marketplace, Instagram, Twitter & Kumpulan “Beli & Jual”

Perkongsi di FB Marketplace dan kumpulan Beli & Jual adalah dilarang sama sekali.

Elakkan berkongsi siaran dari halaman tidak rasmi

Menunjukkan Pendapatan

Elakkan daripada menunjukkan angka atau penyata pendapatan yang tepat dalam talian dan elakkan terlalu menjanjikan kejayaan yang dijamin oleh BE.

Testimonial Tuntutan Melampau

Jangan berlebihan dalam memberikan manfaat produk, misalnya produk boleh menyembuhkan penyakit, dan jangan menyuruh pelanggan untuk menghentikan pengambilan ubat/pembedahan.

Pemotongan Harga

Menjual pada harga yang lebih rendah daripada BE/ menjual kepada Bukan Ahli pada harga Ahli atau memberi diskaun adalah dilarang.

Mempromosikan atau Cubaan Merekrut untuk syarikat lain

Mempromosikan produk syarikat lain dan cuba merekrut IBO BE ke dalam syarikat lain adalah dilarang sama sekali.



Salah satu keajaiban yang paling hebat di Turki, Cappadocia terkenal dengan formasi batu-batuan yang unik dan langit yang dipenuhi belon udara panas yang menakjubkan menghadap puncak ngarai yang bergerigi. Berjalan melalui lembahnya seolah-olah memasuki kisah dongeng yang hidup penuh dengan cerobong asap, bukit berwarna-warni dan kubu batu purba. Di samping pemandangannya yang mengagumkan, ia juga menyimpan banyak misteri dengan lebih 30 kota bawah tanah yang hanya menunggu untuk dijumpai. Landskap istimewa merentasi Cappadocia juga boleh diterokai dengan berjalan kaki, kerana ia merupakan destinasi yang menarik untuk peminat mendaki.

Cappadocia yang Menawan

BE a
WORLD
Traveller

BE LIFESTYLE TRAVEL -
TURKI 2022 (6 HARI 4 MALAM)

TEMPOH KELAYAKAN: SV8'2022 – SV1'2023